

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Perselisihan faham dan konflik yang berlaku baru-baru ini telah _____ hubungan dua hala antara kedua-dua negara itu.
- A mengeruhkan
 - B mengotorkan
 - C melunturkan
 - D melucutkan

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 2 Anggota pengakap itu _____ air dengan menggunakan tin.
- A mengukus
 - B merebus
 - C menanak
 - D menjerang

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Sejak kecil lagi, Asyraf sudah *menarik* untuk mendalami ilmu astronomi.
II Kerja-kerja untuk *menarik* jalan-jalan yang rosak di kampung itu sedang dilakukan.
III Terdapat banyak pulau dan tempat yang *menarik* di negara kita untuk dilawati.
IV Hakimi sedang berusaha untuk *menarik* pukatnya yang tersangkut pada akar kayu itu.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

- 4 I Golongan remaja masih *mentah* dengan kehidupan yang mencabar pada zaman moden ini.
II Adik kehairanan apabila melihat pemuda itu makan telur ayam yang masih *mentah*.
III Buah betik yang masih *mentah* itu akan diperam selama beberapa hari sebelum dijual.
IV Fadilah berasa hendak *mentah* semasa menaiki bot untuk ke Pulau Pangkor.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Bekas pemain bola sepak kebangsaan itu sering menceritakan tentang pengalamannya semasa mewakili negara kepada anak-anaknya.
A ceritakan atas pengalamannya
B menceritakan pengalamannya
C berceritakan tentang pengalamannya
D menceritakan tentang pengalamannya
- 6 Puan Rahimah membeli beberapa-beberapa pasang baju kurung ketika berkunjung ke butik pakaian itu.
A beberapa pasang baju kurung
B berapa pasang-pasang baju kurung
C berapa-beberapa pasang baju kurung
D beberapa-beberapa pasang baju kurung

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Pekerja binaan itu mendapatkan kecederaan selepas dihempap oleh dinding bangunan yang runtuh itu.
II Tindakan memperlebar jalan itu memang tepat sekali untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.
III Rumah-rumah yang dibina oleh pendatang asing tanpa izin di lereng bukit itu akan diruntuhkan oleh pihak berkuasa.
IV Pemuda yang berbaju merah itu ialah abang sulung saya yang bekerja sebagai peguam.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Alat permainan adik yang bersepah di ruang tamu telah dikemas oleh saya sebentar tadi.
II Perkara ini mesti dijelaskan oleh kamu kepada mereka untuk mengelakkan salah faham.
III Cadangan itu akan saya kemukakan kepada Cikgu Basirah pada petang nanti.
IV Barangan kraf tangan itu telah dijual oleh mereka semalam.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Kemudahan awam yang disediakan di kawasan rekreasi di negara kita sering dirosakkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.
- A Akibat sering dirosakkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab, kemudahan awam disediakan di kawasan rekreasi di negara kita.
 - B Golongan yang tidak bertanggungjawab di kawasan rekreasi di negara kita telah merosakkan kemudahan awam yang disediakan.
 - C Golongan yang tidak bertanggungjawab sering merosakkan kemudahan awam yang disediakan di kawasan rekreasi di negara kita.
 - D Kerosakan kemudahan awam oleh golongan yang tidak bertanggungjawab berlaku di kawasan rekreasi di negara kita.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Kita tidak seharusnya melakukan sesuatu pekerjaan separuh jalan sahaja. Sebaliknya, setiap pekerjaan itu perlu kita lakukan sehingga selesai.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa

- A seperti rumput di tepi jalan.
- B seperti kera mendapat bunga.
- C bagai melepaskan batuk di tangga.
- D bagai enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.